

SOALAN NO: 60

Filem yang diterbitkan wajar melambangkan identiti dan senario masyarakat Malaysia berbilang kaum seperti mana yang tercatat dalam objektif Dasar Perfileman Negara (2005) iaitu menghubungkaitkan industri perfileman Malaysia dengan wawasan dan dasar negara dan sebagai alat perpaduan negara serta menekankan penerapan nilai budaya murni dan kemanusiaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 61

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah laporan rasmi
akan dibentangkan di Parlimen mengenai dengan MH370 yang telah
hilang setelah terbang menuju ke China dan sehingga sekarang belum
ditemui.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.